

## Persisi mahu lahirkan 30 pesilat dalam dua tahun

BERITA HARIAN, 19 February 2006, Page 21

Article also available on Microfilm Reel NL26600

Printer-Friendly Page

# Persisi mahu lahirkan 30 pesilat dalam dua tahun

## Terima lapan pelajar ke sekolah sukan di tahun pertama

PIALA FA Oleh

Mohd Sanj Ali

**PERSEKUTUAN** Silat Singapura (Persisi) tidak berhenti berusaha memburu pingat setiap kali tampil dalam kejohanan antarabangsa.

Justeru apabila pencak silat berjaya menapak di Sekolah Sukan Singapura (SSS) yang bernilai \$75 juta itu, apakah pula yang ingin Persisi capai?

Menurut Sheik Alaudin, pada tahun pertama, hanya lapan pelajar yang akan dibawa masuk ke Sekolah Sukan Singapura.

"Kami mahu memasti-

"Kejayaan mendapatkan tempat dalam Sekolah

"Secara peribadi saya puas hati dengan kerja keras yang telah kami lakukan sejak dua tahun lalu melobi isu ini."

Setiausaha Parlimen

yang menjadi tetamu terhormat dalam majlis taklimat tersebut, turut berharap peluang ini digunakan sepenuhnya oleh para pesilat muda.

"Kami akan berusaha memastikan kami mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 30 pesilat berbakat dalam masa dua tahun," kata Ketua Pengarah Eksekutif Persisi, Sheik Alauddin Yacoob, kepada Berita Minggu.

Menjelaskan kenapa lapan pelajar sahaja yang dipilih, beliau menjelaskan:

kan yang terbaik, yang berbakat dan berpotensi untuk menjadi ahli silat unggul dan kami tidak mampu melihat ada yang tercicir jika jumlah yang diterima terlalu besar."

Sukan merupakan suatu yang paling membanggakan bagi Persisi.

Kanan (Ehwal Dalam Negeri), Encik Mohamad Maidin Packer Mohd,


"Mudah-mudahan ini menjadi lembaran baru yang dapat dijadikan contoh oleh para atlet lain untuk terus berusaha mengemulakan matlamat untuk menjadi bukan sahaja ahli sukan malah pelajar yang terbaik dalam bidang akademi," katanya.

Presiden Persisi, Abdullah Shafi'e, juga ingin melihat lebih ramai pelajar Melayu berupaya mengimbangi pelajaran dan sukan, bukan memberikan tumpuan pada satu bidang semata-mata.

Beliau juga berharap agar setiap pemohon yang berjaya perlu menunjukkan komitmen dan disiplin yang tinggi untuk menjadi ahli sukan dan pelajar yang paling berjaya di masa akan datang.

Majlis taklimat yang diadakan di Pusat Kecemerlangan Silat di Bedok petang semalam disertai oleh hampir 150 peserta. Sebanyak 21 permohonan telah diterima oleh Persisi.

Setiap permohonan akan dipertimbangkan dengan terperinci, termasuk mereka yang berbakat tetapi tidak mempunyai kemampuan untuk membayai bayaran persekolahan \$500 sebulan.



**BUAT PERMOHONAN:** Abdul Kadir Ibrahim (kiri), jurulatih dan juga bertindak sebagai pegawai Persekutuan Silat Singapura (Persisi), memberi penerangan kepada para pemohon, termasuk pesilat wanita, Nurindah Mursani (dua dari kiri) cara memohon ke Sekolah Sukan Singapura.

Foto Khalid Baba